

MAHATHIR - KAYU
OLEH GWENDOLINE BENJAMIN

I

KUCHING, 16 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU PARA MENTERI KESATAUAN EROPAH (EC) BAHAWA KEMPEN ANTI KAYU TROPIKA, YANG KINI GIAT DILAKUKAN OLEH PENCINTA ALAM DI BARAT, MERUPAKAN PEKARA YANG MENYENTUHI KELANGSUNGAN EKONOMI BAGI NEGARA MEMBANGUNAN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA BERASA SANGAT DUKACITA DENGAN KEMPEN SEDEMIKIAN KERANA IA MENGAKIBATKAN PEMULAUAN TERHADAP KAYU TROPIKA OLEH NEGARA-NEGARA EC, KATA BELIAU KETIKA MERASMIKAN PEMBUKAAN MESYUARAT MENTERI ASEAN-EC KALIKELAPAN DI SINI.

-MALAYSIA MENGAKUI BAHAWA ADA KUMPULAN PENCINTA ALAM YANG BENAR-BENAR MENGAMBIL BERATTENTANGALAMSEKITAR TETAPI SESETENGAHNYA MENJALANKAN KEMPEN MEREKA BERDASARKAN SEMATA-MATA KEPADA SENTIMEN DAN PERTIMBANGAN YANG TIDAK HUNASABAH.

INI MENYEBABKAN TIMBULNYA KEADAAN APABILA SESUATU TINDAKAN DIAHBIL BUKAN KERANA TINDAKAN ITU BETUL, TETAPI KERANA IA POPULAR, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA WALAUPUN BAGI SESETENGAH KALANGAN ISU ITU BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MEMANCING UNDI, + BAGI NEGARA MEMBANGUN, IA MERUPAKAN SOAL KELANGSUNGAN EKONOMI. + -- LAGI.

121411ST 16 02 90

U B083 AAB

MAHATHIR - KAYU 2 KUCHING

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA PEMULAUAN ITUMUNGKIN MEMBAWA AKIBAT KEPADA KUMPULAN-KUMPULAN YANG MELOBI ITU SENDIRI KERANA LEBIH BANYAK TANAH HUTAN MUNGKIN DIBERSIHKAN UNTUK TUJUAN-TUJUAN LAIN SEPerti PERTANIAN.

MENURUTNYA, INDUSTRI KAYU-KAYAN MEHAINKAN PERANAN PENTING DALAM EKONOMI MALAYSIA DAN MERUPAKAN 5.1 PERATUS DARIPADA JUMLAH PENDAPATAN EKSPORT MALAYSIA SERTA MEMBERI PEKERJAAN SECARA LANGSUNG KEPADA 162,000 ORANG.

ADA TANDA-TANDA YANG INDUSTRI ITU SEDANG BERGERAK KE ARAH MELUASKAN LAGI SUMBANGANNYA KEPADA EKONOMI MALAYSIA DENGAN TUMPUAN KEPADA HASIL YANG MEMPUNYAI NILAI TAMBAHAN SEPerti PERUSAHAAN PERABOT, KATANYA.

+JIKA PENCINTA ALAM ITU BENAR-BENAR MENGAMBIL BERAT, MEREKA SEPATUTNYA HENGGALAKKAN PENEMPATAN SEMULAINDUSTRY BERASASKAN KAYU KE NEGARA-NEGARA YANG MENGELUARKAN KAYU, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN BOLEH MEMBANTU KE ARAH INI DENGAN MENURUNKAN SEKATAN MEREKA TERHADAP KEJLARAN SIAP DARIPADA KAYU KERANA SEKATAN SEDEMIKIAN HANYA MENJEJASKAN PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN DAN HENGGALAKKAN PENEBAANGAN LEBIH BANYAK POKOK LAGI, TAMBAHNYA. -- LAGI.

1222MST 16 02 90

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA ASEAN INGIN MELIHAT PERBINCANGAN MENGENAI ISU ALAM SEKITAR DILAKUKAN PADA TAHAP YANG LEBIH MEMBINA SUPAYA TUMPUAN DIBERIKAN KEPADA USAHA BERSAMA OLEH NEGARA MAJU DAN YANG MEMBANGUN.

PERISYTIHARAN LANGKAUI MENGENAI ALAM SEKITAR YANG DILULUSKAN SEMASA MESYUARAT KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR DAHULU, BOLEH DIJADIKAN SAS yang BERGUNA UNTUK ASEAN DAN EC BERTINDAK, TAMBAHNYA.

MENGENAI NASIB SUKU KAUMPENAN DAN DAKWAAN KONONNYA USAHA PEMBALAKAN MEROSAKKAN CARA HIDUP MEREKA YANG SUKA BERPINDAH-RANDAH, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK MERASA KESAL DENGAN USAHANYA UNTUK MENINGKATKAN TARAF HIDUP SUKU KAUM ITU.

KATANYA, DASAR MALAYSIA IALAH UNTUK MEMBAWA SEMUA KAUM YANG TINGGAL DI HUTAN KE DALAM ARUS PEMBANGUNAN MASYARAKAT.

+TIDAK ADA APA YANG ROMANTIKNYA MENGENAI KEHIDUPAN KAUM YANG LEMAH, SEPARUH KEBULURAN DAN MUDAH TERKENA PENYAKIT INI, + KATANYA.

+KAMI TIDAK BERHASRAT UNTUK MENJADIKAN KAUMPENAN SEBAGAI BAHAN ZOOLOGI, UNTUK TONTONAN PELANCONG ATAU UNTUK DIKAJI OLEH AHLI ANTROPOLOGI, SEDANG ORANG LAIN DI DUNIA TERUS MAJU MENINGGALKAN MEREKA. + -- LAGI.

1300MST 16 02 90

D548

U B107 AAB
MAHATHIR - KAYU 4 KUCHING

MENGENAI SUKU KAUM PENAN YANG DIPERKATAKAN ITU, BELIAU BERKATA MEREKA MERUPAKAN CUMA KIRA-KIRA 900 DARIPADA JUMLAH 9,000 PENDUDUK PENANDI SARAWAK, KEBANYAKAN DARIPADANYA SUDAH BERJAYA DITEMPATKAN SEMULA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PARA MENTERI EC DAN PERWAKILAN MEREKA AKAN MENDAPAT GAMBARAN YANG LEBIH BAIK MENGENAI KEDUDUKAN KAUM PENAN ITU SEMASA MEREKA DI SINI.

MENGENAI SOAL DADAH YANG JUGA DIMASUKKAN DALAM AGENDA MESYUARAT DUA HARI ITU, BELIAU BERKATA KERJASAMA ASEAN-EC YANG LEBIH HENEKANKAN KEPADA MASA HADAPAN DIPERLUKAN DALAM USAHA SEDUNIA UNTUK MEMERANGI PENGGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEPERANGAN TERHADAP DADAH HENDAKLAH SENTIASA DITERUSKAN DAN BELIAU SUKACITA KERANA BANYAK NEGARA TELAH MENJANJIKAN KERJASAMA SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DALAM PERSIDANGAN ANTARABANGSA VIENNA MENGENAI PENGGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH PADA 1987, YANG DIPENGERUSIKAN OLEH BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH TENTANG USAHA TERBARU UNTUK MENAMATKAN PERTIKAIAN DI KEMBOJA YANG BERLARUTAN SELAMA 11 TAHUN ITU DAN EERKATA BAHAWA MALAYSIA MENYAMBUT BAIK USAHA MENGADAKAN MESYUARAT TIDAK RASMI ANTARA PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DI JAKARTA PADA AKHIR BULAN INI. -- LAGI.

D534

UB108 A A B
MAHATHIR - KAYU 5 KUCHING

BELIAU BERKATA KEPUTUSAN LIMA ANGGOTA TETAP MAJLIS KESELAMATAN PBB UNTUK MELIBATKAN DIRI DALAM MENYELESAIKAN PERTIKAIAN ITU JUGA PENTING DAN BELIAU MENGALU-ALUKAN CADANGAN AUSTRALIA. YANG MENYERU SUPAYA PBB MEMAINKAN PERANAN LEBIH CERGAS DALAM Mencari penyelesaian itu.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEGASKAN PERLUNYA MASYARAKAT ANTARABANGSA BERUSAHA MEMASTIKAN PENYELESAIAN YANG BERKEKALAN BAGI MASALAH+ORANG HANYUT+ VIETNAM, SEPERTI YANG TERKANDUNG DALAM RANCANGAN TINDAKAN MENYELURUH (CPA) YANG DICAPAI PADA PERSIDANGAN GENEVA TAHUN LEPAS.

MALAYSIA, YANG MENAWARKAN TEMPAT SEMENTARA KEPADA KIRA-KIRA 209000 ORANG HANYUT, DAN NEGARA-NEGARA ASEAN LAIN YANG MEMBERI PERLINDUNGAN SEPERTI ITU, TELAH MEMIKUL BEBAN ITU SEJAK LEBIH 14 TAHUN.

BAGAIMANAPUN PERLINDUNGAN INI SUDAH DISALAHGUNAKAN OLEH RAKYAT VIETNAM YANG MENINGGALKAN NEGARANYA UNTUK MENIKMATI HIDUP YANG LEBIH BAIK DIBARAT. KEBANJIRAN MEREKA TELAH MENIMBULKAN +TEKANAN YANG TIDAK DAPAT DITERIMA LAGI+ OLEH NEGARA INI DARIPADA SEGI POLITIK DAN EKONOMI.

MESYUARAT ASEAN-EC ITU DIHADIRI OLEH SEMUA MENTERI LUAR ASEAN KECUALI BRUNEI YANG DIWAKILI OLEH TIMBALAN MENTERI LUARNYA. DATUK ABU HASSAN OMAR MENGETUAI PERWAKILAN MALAYSIA.

WAKIL-WAKIL DARI 12 NEGARA EC TERDIRI DARIPADA LIMA MENTERI LUAR DARI IRELAND, ITALI, NEGARA BELANDA, PORTUGAL DAN SEPANYOL DAN MENTERI-MENTERI NEGARA SERTA PEGAWAI KANAN. -- BERNAMA.